

Bush hargai pandangan Pak Lah mengenai Timur Tengah

# AS jamin negara Palestin

BH - 21/7/2004: 1&2 Perdana

Daripada Manja Ismail

WASHINGTON DC: Presiden George W Bush yang mengadakan perbincangan dengan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi di Rumah Putih semalam, memberi jaminan kepada Perdana Menteri bahawa beliau benar-benar komited untuk membangunkan sebuah negara Palestin yang boleh berjiran dengan Israel secara aman.

Memberitahu wartawan di Oval Office selepas pertemuan selama 52 minit itu, Bush juga menyifatkan perbincangannya dengan Abdullah mengenai isu Palestin dan Iraq sebagai amat membina.

Barat diminta hapus kemarahan Islam - Muka 2

"Kami baru selesai mengadakan perbincangan yang menyeluruh. Saya menghargai persahabatan Perdana Menteri. Saya berterima kasih di atas kepeimpinannya. Saya berterima kasih atas kerjasama dan usahanya memerangi keganasan," katanya.

Pegawai menyifatkan pertemuan yang mulanya dijadualkan selama 25 minit, tetapi berlarutan sehingga hampir sejam itu amat mesra dan membina. Turut serta di pihak AS ialah Setiausaha Negara, Colin Powell; Penasihat Keselamatan Negara, Condoleeza Rice dan Pengarah Majlis Keselamatan Negara, Michael Green.

Antara yang hadir bagi pihak Malaysia ialah Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar dan Duta Besar Malaysia di sini, Datuk Ghazali Sheikh Khalid. Ini adalah lawatan pertama Perdana Menteri ke sini selaku Pengerusi Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) dan Pergerakan Negara Berkecuali (NAM).

Bush berkata, dalam perbincangan itu, Abdullah memberikan beberapa pandangan bernas mengenai isu di Timur Tengah.

"Kami bercakap mengenai isu Israel-Palestin



**ABDULLAH** menjawab soalan wartawan pada sidang akhbar sambil diperhatikan Bush selepas kedua-dua pemimpin itu mengadakan pertemuan selama 52 minit di Rumah Putih, semalam. Ia adalah pertemuan pertama kali antara Abdullah dan Bush sejak Malaysia menjadi Pengerusi OIC dan NAM. - Gambar AP

dan saya memberi jaminan kepadanya bahawa saya benar-benar komited untuk membangun sebuah negara Palestin yang boleh hidup bersebelahan dengan Israel dalam keadaan aman.

"Kami berbincang mengenai bagaimana kita

boleh bekerjasama untuk memperbaiki keadaan ekonomi antara kedua-dua negara kami serta Timur Tengah. Kami bercakap mengenai Iraq dan saya memberitahunya saya berpuas hati dengan kemajuan di Iraq.

"Perdana Menteri mempunyai beberapa cadangan yang boleh membantu. Justeru, secara keseluruhan, ia adalah satu perbincangan yang

**LIHAT MUKA 2** ►

# Perbezaan pendapat tidak jejas hubungan Malaysia, AS

BH - 21/9/2004 : 2 Perdana

## ► DARI MUKA 1

pelajar Malaysia di seluruh AS sebagai satu petanda yang sihat serta memberi jaminan kepada Abdullah bahawa mereka akan diberi layanan yang baik.

Abdullah pula menyifatkan hubungan Malaysia-AS dalam semua aspek termasuk ekonomi, pendidikan dan pertahanan memang sentiasa kukuh sejak dulu lagi walaupun mereka mempunyai perbezaan pendapat mengenai Iraq dan Palestin.

Perdana Menteri bagaimanapun berkata, beliau percaya banyak lagi boleh dilakukan, apalagi selepas mendapat jaminan daripada Bush sendiri yang turut menjelaskan pelbagai aspek mengenai isu Palestin dan Israel.

"Tiada yang lebih baik daripada mendengar daripada Presiden AS sendiri mengenai semua isu itu kerana beliau banyak terbabit dalam menangani masalah dan isu Palestin-Israel.

"Kita juga bercakap mengenai Islam dan kami percaya bahawa negara Islam boleh dibantu untuk memahami dengan lebih baik keunikan pembinaan keupayaan.

"Kita akan berusaha sebaik mungkin kerana saya berpendapat pembinaan keupayaan boleh membantu membasmi kemiskinan dan dengan itu, membendung penganas daripada mempengaruhi rakyat menyokong mereka," katanya.

Sementara itu, pada sidang akhbar kepada wartawan Malaysia, Perdana Menteri berkata, apabila beliau memberi pandangan supaya AS berbuat sesuatu bagi memulihkan anggapan negatif dunia Islam terhadapnya, Bush berjanji akan berusaha supaya isu Iraq dan Palestin dapat diselesaikan.

Ditanya sama ada AS sedia membuka peluang kepada negara Islam menyertai pembangunan semula Iraq, Abdullah berkata, Bush memang mahu negara Islam bukan saja mengambil bahagian dalam pembangunan semula tetapi menyertai pasukan pelbagai bangsa di negara itu untuk memastikan keamanan dicapai.

"Jadi jawapan saya ialah kita bersetuju untuk menghantar pasukan perubatan ke Iraq. Kita juga telah bersetuju untuk mengambil bahagian dalam pemulihan negara itu. Saya juga akan memberitahu negara Islam mengenai perkara itu," katanya.

Beliau berkata, Kabinet sudah mempersetujui langkah menghantar pasukan perubatan itu dan Kementerian Pertahanan dengan kerjasama Kementerian Luar akan membuat persediaan termasuk menentukan saiz pasukan itu.

Ditanya sama ada penghantaran pasukan itu di bawah naungan PBB, beliau berkata, Malaysia mengiktiraf kerajaan sementara di Iraq sekarang dan kerana itu, berurusan dengan institusi berkenaan.

"Selepas pilihan raya nanti, tentulah ada kerajaan baru, maka itulah kerajaan yang perlu kita jalinkan hubungan kerana tiada lagi agensi lain melainkan kerajaan itu.

"Yang pentingnya, saya berharap rakyat Iraq sendiri dapat memahami bahawa walaupun kerajaan ini adalah kerajaan sementara, mereka boleh memilih kerajaan baru melalui pilihan raya Januari depan.

"Amat penting bagi rakyat Iraq untuk memastikan tiada lagi keganasan di negara itu sehingga tiada kestabilan politik dan keamanan tergugat. Iraq mestilah aman untuk membolehkan segala persiapan dibuat bagi pilihan raya. Ini sebenarnya untuk kebaikan rakyat Iraq, enam bulan lagi pilihan raya diadakan.

"Kita harap tidak berlaku perkara tidak baik dan keganasan meningkat. Apabila negara tidak stabil, pilihan raya tidak dapat diadakan. Kalau ini berlaku, ia kerugian besar kepada Iraq dan rakyatnya. Pandangan ini saya kemukakan juga kepada Bush," katanya.

Mengenai isu pembinaan tembok di Palestin, Perdana Menteri berkata, beliau menyatakan betapa pentingnya Israel sendiri mengakui dan mengiktiraf keputusan mahkamah berhubung perkara itu.

"Hari ini mahkamah Israel sendiri membuat keputusan. Presiden Bush menganggap keputusan mahkamah Israel itu lebih penting kerana keputusan Mahkamah Dunia berdasarkan pandangan sematamata.

"Jadi lebih mudah untuk selesaikan isu itu. Tetapi adalah juga penting bagi pihak yang berkenaan bekerjasama bagi membolehkan perbincangan diadakan bagi menjayakan pelan damai itu," katanya.